

Potensi Dan Realiti Kutipan Dana Wakaf Tunai Negeri Perak Darul Ridzuan

The Potential and Reality of Cash Waqf Fund Collection State of Perak Darul Ridzuan

**Noraini Mohamed*, Mohd Zaini Shafiai, Muhammad Akramin Kamarul Zaman
& Mohd Noor Daud**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900
Tanjong Malim, Perak Malaysia

*Corresponding author: norainipondokdarulfurqan@gmail.com

Received: 18 April 2024; Accepted: 01 July 2024; Published: 19 August 2024

To cite this article (APA): Mohamed, N., Shafiai, M. Z., Kamarul Zaman, M. A., & Daud, M. N. (2024). The Potential and Reality of Cash Waqf Fund Collection State of Perak Darul Ridzuan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 21–37. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.2.2024>

Abstrak

Sektor kewangan Islam yang berkembang pesat pada masa kini, menonjolkan potensi wakaf tunai sebagai salah satu instrumen kewangan yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosio-ekonomi terhadap komuniti setempat. Namun begitu, potensi sebenar wakaf tunai belum dapat digembleng secara optimal dalam aspek kutipan dan sumbangan kepada penduduk Islam di negeri Perak. Ini dilihat melalui kutipan dana tunai didorong potensi medium promosi dan pelaksanaan projek-projek wakaf yang dikendalikan oleh Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR). Kajian ini bertujuan membincangkan potensi kutipan dana wakaf dalam empat sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, ekonomi dan keagamaan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif menerusi protokol temubual separa berstruktur ke atas pegawai Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) dan kakitangan agensi yang terlibat dalam mengurus wakaf tunai. Di samping itu, turut dilakukan analisis terhadap laporan kutipan dana WPAR bagi tahun 2016 hingga tahun 2021. Dapatan kajian menemukan bahawa, lima aspek yang dapat meningkatkan potensi kutipan dana tunai, terdiri daripada potensi sumber dana, potensi medium promosi, potensi medium kutipan, potensi pelaksana dan potensi pewakaf. Implikasi kajian membuktikan wakaf tunai membantu dalam pengembangan produktiviti dan manfaat wakaf. Justeru, kecekapan pengurusan, inovasi produk wakaf tunai serta jalinan kerjasama bersepadu antara agensi menyumbang kepada kemakmuran dan kelestarian wakaf di seluruh negara amnya, dan di negeri Perak, khususnya.

Kata kunci: Potensi, kutipan dana, wakaf tunai, Wakaf Perak Ar Ridzuan

Abstract

The rapidly growing Islamic financial sector today highlights the potential of cash waqf as one of the financial instruments that contribute greatly to the socio-economic development of the local community. However, the real potential of cash waqf has not been optimally developed in terms of collection and contribution to the Muslim population in the state of Perak. Cash fund collection is driven by the potential medium of promotion and implementation of waqf projects managed by Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR). This study aims to discuss the potential of waqf fund collection in four main sectors, namely education, health, economy and religion. This study uses qualitative methodology through a semi-structured interview protocol with officials of the Perak Islamic Religious Council (MAIPk) and agency staff involved in managing cash waqf. In addition, an analysis of the WPAR fund report for the years 2016 to 2021 was also carried out. The study found that five aspects increase the potential of cash fund collection, consisting of the potential of the fund source, the potential of the promotional medium, the potential of the collection medium, the potential of the implementer, and the endowment potential. Implications of the study prove that cash waqf helps in the development of productivity and the benefits of waqf. Thus, management efficiency, innovation of cash waqf products, and integrated cooperation between agencies contribute to the prosperity and sustainability of waqf throughout the country in general and in the state of Perak in particular.

Keywords: Potential, fundraising, cash waqf, Ar Ridzuan Perak Waqf

Pendahuluan

Wakaf tunai merupakan wakaf *manqul* (harta alih) yang telah mula diamalkan sejak awal pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah sehinggalah zaman kejatuhannya pada tahun 1924 (Razali Othman, 2015). Elemen wakaf tunai kini kembali mendapat perhatian sebagai instrumen yang berpengaruh dalam pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat Muslim. Dana wakaf bukan sahaja digunakan bagi menyediakan kemudahan seperti bangunan perniagaan yang dapat mengembangkan kegiatan ekonomi yang produktif, bahkan turut berpotensi menyediakan kemudahan awam dalam aspek pendidikan, kesihatan, keagamaan serta lain-lain. Hal ini secara tidak langsung, dapat membantu kerajaan bagi menyediakan infrastruktur yang lebih baik dalam memacu pembangunan negara abad ke-21. Pengurusan dan pentadbiran wakaf adalah tunjang dalam memastikan kejayaan bagi pendanaan wakaf (Zainur Nadiyah & Sumaiyah Bahri, 2023).

Justeru, kebanyakan institusi wakaf seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menumpukan instrumen wakaf tunai sebagai medium yang berpotensi dalam mengumpul dana untuk tujuan pengembangan wakaf. Antara bentuk-bentuk instrumen wakaf tunai yang diperkenalkan seperti wakaf saham, wakaf kaki, wakaf takaful, wakaf sukuk dan lain-lain (Bahari Zakaria & Surita Hartini, 2016). Walaupun wakaf tunai mempunyai potensi yang besar untuk digembleng, namun masih banyak potensi yang belum dibangunkan sepenuhnya dan berhadapan dengan kekangan tertentu. Justeru, penulisan ini adalah untuk membincangkan antara potensi dan realiti wakaf tunai di negeri Perak yang telah dan belum dicapai dengan meneliti hasil kutipan dana Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) bagi tahun 2016-2021.

Latarbelakang Kajian

Pendanaan wakaf melalui tunai yang digunakan untuk projek-projek pembangunan dan perkhidmatan mampu menjana hasil pendapatan kepada rakyat dan negara (Razali Othman, 2013). Selain itu, berwakaf melalui wang ringgit merupakan alternatif yang dapat membantu kerajaan dalam mengatasi isu kemiskinan khususnya dalam kalangan orang Islam. Instrumen ini memerlukan dana yang besar dalam menyokong usaha kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia (Mohamad Salleh Abdullah, 2009).

Pada 7 April 2015 Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) mengambil inisiatif bijak dengan melancarkan Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR) sebagai mekanisme kutipan dana wakaf. Merujuk seksyen 27, Enakmen Wakaf Perak, MAIPk selaku pemegang amanah tunggal ke atas semua harta meliputi wakaf am atau wakaf khas bukan sahaja mengutip dana wakaf bahkan mengembangkan dana tersebut supaya memberi pulangan balik. Bahkan antara objektif penubuhan WPAR adalah sebagai usaha mempertingkatkan pengumpulan dan pengembangan dana wakaf di negeri Perak (Fidlizan et al., 2019). Ternyata, instrumen wakaf tunai merupakan bentuk wakaf kontemporari yang efektif dalam mengumpulkan dana kerana melalui medium tunai lebih ramai individu dapat menyertai wakaf dengan mudah.

Langkah ini selaras dengan perancangan pembangunan ekonomi negara dalam Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) 2021 untuk memperkasa institusi wakaf sebagai agenda negara, ia dilihat berpotensi dan mampu membantu perkembangan ekonomi dan sosial melalui kecairan sifat tunai yang dinamik. Bahkan wakaf tunai boleh mengembangkan peranan institusi wakaf itu sendiri dan meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Islam dalam pelbagai aspek keagamaan, kesihatan, perkhidmatan dan pendidikan (Che Khadijah Hamid, 2010). Sementara itu, dalam laporan JAWHAR (2009), manfaat hasil wakaf tunai telah banyak digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah.

Justeru, PIWN merupakan sebuah pelan holistik untuk memperkasakan pengurusan wakaf di Malaysia. Dalam Fokus Kelima dan Keenam RMK-12 telah menggariskan peranan utama yang perlu dimainkan oleh Institusi Wakaf dalam membantu “*Keluarga Malaysia*” keluar dari kepompong kemiskinan. Ia selaras dengan usaha mempelbagaikan sumber kewangan bagi membiayai perniagaan dan meningkatkan ekuiti Bumiputera. Hasrat ini adalah untuk mengangkat wakaf sebagai agenda nasional kerana keupayaan konsep itu yang mampu melonjakkan ekonomi masyarakat dan negara (Berita Harian, 2021). Sehubungan itu, wakaf tunai perlu diurus dengan efisien bagi memastikan kelestarian wakaf dapat dipelihara, seterusnya mewujudkan pelbagai institusi wakaf baharu.

Sorotan Literatur

Instrumen wakaf tunai diyakini berpotensi membangunkan masyarakat Islam yang meliputi pelbagai aspek seperti kesihatan, perkhidmatan, pendidikan, (Muhammad Hisyam Mohamad, 2009), pertumbuhan ekonomi (Ali Gom’ah, 2012) dan lain-lain. Implementasi wakaf melalui projek-projek sebagai mekanisme pendanaan yang efektif serta memberi sumbangan yang besar untuk sektor pendidikan, mengurangkan kadar kemiskinan, mendanai aspek kebajikan, kesihatan, penyelidikan dan sebagainya. Bahkan medium wakaf tunai dapat merencanakan kegiatan ekonomi merentasi sempadan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2009). Di samping itu, wakaf tunai terbukti berpotensi sebagai agen pembangunan umat Islam dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat (Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, 2012).

Ini termasuklah sumber projek yang berpotensi seperti pembinaan asrama anak yatim di Mukim Derga, Alor Setar, Kompleks Wakaf di Seksyen 9, Kajang, Hulu Langat, Wakaf Mart di Kuala Lumpur dan Selangor serta Bazar Rakyat oleh Yayasan Wakaf Malaysia (Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed, 2011). Selain itu, projek wakaf tunai turut mendapat sambutan yang menggalakkan di IPTA dan IPTS. Antara bentuk wakaf tunai yang diperkenalkan ialah *endowment fund* di bawah pengurusan UIAM, wakaf Ilmu di bawah pengurusan UKM, wakaf al-Abrar USIM, wakaf Pendidikan UPSI dan lain-lain. Bahkan projek seperti dapur wakaf semasa zaman kegemilangan pemerintahan kerajaan Uthmaniyah di negara-negara Islam Eropah boleh dihidupkan kembali dalam bentuk baharu. Sementara projek wakaf tempat pelancongan, rumah haiwan, rumah rehat seperti di Turki (Razali Othman, 2013) masih relevan untuk dicontohi oleh masyarakat Islam di seluruh dunia.

Bukan itu sahaja, projek-projek wakaf yang dilancarkan kini perlu disesuaikan dengan fenomena semasa dan bersifat universal. Sebagai contoh, projek wakaf air yang dilancarkan pada Disember 2020 oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dengan Kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) adalah inisiatif bagi membiayai projek perkhidmatan air berskala kecil. Dana sebanyak RM800,000 daripada Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air yang diagihkan ke 21 lokasi seluruh negara (Berita Harian, 28 Feb 2022) telah membuka dimensi wakaf sumber alam yang dapat memenuhi keperluan asas kehidupan manusia. Bahkan ketika dunia dilanda pandemik Covid-19, wakaf peralatan kesihatan dan perubatan bagi menampung fasilitis rawatan seperti mesin ventilator, kerusi roda, katil, peralatan perlindungan diri seperti *facemask*, ubat-ubatan (Utusan Malaysia, 6 Ogos 2021) dan lain-lain di hospital-hospital awam dan pusat-pusat kuarantin di Malaysia amat diperlukan. Termasuk dalam tempoh perintah berkurung Covid -19, anggota masyarakat khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar turut memerlukan alat bantuan pembelajaran di rumah seperti wakaf peranti digital (Syafiq Hariz, 2021).

Sejajar dengan fenomena semasa, pada 2021, *Commerce International Merchant Bankers* (CIMB) dengan kerjasama (YWM) telah melancarkan program *I-Tekad CIMB Bank Rider Entrepreneur* yang membekalkan kemudahan motorsikal untuk kegunaan para *rider* sebagai penghantar makanan. Yayasan Belia Malaysia (YBM) telah dilantik sebagai penyelaras program bagi memastikan golongan belia yang kehilangan pekerjaan memperoleh sumber pendapatan. Tindakan ini memberi solusi kepada masalah pengangguran dan kehilangan punca pendapatan dalam kalangan penduduk ketika itu. Dalam situasi ini, projek-projek wakaf menjadi platform pendanaan yang dapat digunakan untuk membangunkan ummah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif kerana sesuai pendekatan secara praktikal iaitu melalui temu bual bagi meneroka dan memperoleh pemahaman tentang fenomena asas. Temu bual merupakan di antara kaedah penting dalam kajian sains sosial kerana kemampuan teknik ini di dalam menghasilkan data secara mendalam dan menjawab soalan-soalan yang kompleks (Creswell, 2009).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data primer dan sekunder melalui temu bual dan analisis kandungan. Temu bual adalah kaedah penyelidikan terbaik yang diterapkan kerana sifatnya yang menawarkan data mendalam dan kemampuan untuk meneroka perkara baru untuk difahami. Manakala, analisis kandungan pula digunakan untuk menganalisis sumber sekunder seperti laporan kutipan tahunan, dokumen-dokumen dan

artikel-artikel berkaitan dengan tajuk kajian. Penyelidik menjalankan temu bual secara separa berstruktur bagi mendapatkan penjelasan berkaitan persoalan kajian. Teknik persampelan *purposive* digunakan terhadap responden yang terdiri daripada tujuh pegawai yang terlibat dalam pengurusan wakaf di negeri Perak. Seterusnya sumber-sumber primer dan sekunder terdiri daripada laporan tahunan WPAR, sumber portal, artikel-artikel berkaitan dan buletin dianalisis secara deskriptif sebagai dokumen utama dan sokongan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

(a) Kutipan Dana Wakaf Tunai (2016-2021)

MAIPk telah melancarkan Wakaf Perak Ar Ridzuan pada 2015 sebagai strategi baharu bagi mengembangkan potensi wakaf tunai di negeri Perak dengan memfokuskan kepada bidang-bidang utama iaitu pendidikan, kesihatan, ekonomi dan keagamaan yang mensasarkan sejumlah dana bagi menjayakan projek-projek khas sebagaimana yang dipaparkan pada Jadual 1.


Jadual 1. Sasaran Kutipan dan Jumlah Kutipan WPAR 2016-2021

Projek	Sasaran Kutipan (RM)	Jumlah Kutipan (RM)
Pendidikan		
Wakaf Bangunan Kediaman Pelajar	15 Juta	5,739,492.19
Program Mumtaz	10 Juta	142,764.68
Kesihatan		
Pusat Hemodialisis	10 Juta	875,587.62
Ekonomi		
Waqf Business Centre	20 Juta	319,306.40
Wakaf Bot	5 Juta	162,670.01
Keagamaan		
Wakaf Perkembangan Ilmu Al-Quran	5 Juta	836,487.53
Dana Pembangunan Maahad Tahfiz	Tidak Terhad	1,044,211.18

Sumber: Portal Wakaf Perak (2021)

Jadual menunjukkan WPAR telah mensasarkan dana bagi projek pendidikan iaitu RM15 juta untuk bangunan kediaman pelajar dan RM10 juta bagi program Mumtaz. Bagi projek kesihatan pula iaitu pembinaan pusat hemodialisis, dana yang disasarkan adalah sebanyak RM10 juta. Berikutnya adalah dana bagi projek ekonomi iaitu *waqf business centre* sebanyak RM20 juta dan wakaf bot RM5 juta. Manakala, sasaran dana bagi wakaf bidang keagamaan adalah tidak terhad. Walaupun begitu, sehingga tahun 2021, peratus kutipan dana tunai yang dilaporkan masih rendah berbanding jumlah dana yang ingin dicapai. Peratus pencapaian kutipan dana mengikut bidang dapat dilihat pada Carta 1.

Carta 1. Sasaran dan Jumlah Kutipan WPAR 2016-2021




Sumber: Laporan Waqaf Perak Ar-Ridzuan & Pengurusan Wakaf Saraan MAIPk 2016-2021

Carta 1 menunjukkan peratus jumlah kutipan dana wakaf bagi tahun 2016 sehingga 2021. Kutipan dana pendidikan yang terkumpul adalah sebanyak RM5,882,256.00 yang mewakili 19% daripada RM25 juta dana yang disasarkan, sementara dana kesihatan terkumpul adalah sebanyak RM875,587.00 mewakili 8%, daripada RM10 juta sasaran dana, manakala kutipan dana ekonomi yang diperoleh adalah RM418,976.41 mewakili 2% daripada RM25 juta, serta dana keagamaan adalah sebanyak RM1,880,690.00 iaitu mewakili 27% daripada RM5 juta, dengan menghususkan kepada kutipan dana Wakaf Perkembangan Ilmu Al Quran. Ini menunjukkan peratus kutipan yang belum dicapai masih jauh iaitu dana pendidikan 81%, dana kesihatan 92%, dana ekonomi 98% dan keagamaan 73%. Malangnya WPAR ini tidak menetapkan tempoh khusus yang ingin dicapai oleh WPAR, menjadikan tempoh dan sasaran terlalu luas untuk diukur. Bahkan, sasaran bagi kutipan tahunan juga tidak ditetapkan menjadikan tempoh kutipan berpanjangan tanpa had. Sekalipun WPAR telah dilancarkan selama lebih enam tahun, potensi kutipan masih belum mencapai dana yang ditetapkan oleh MAIPk.

(b) Aspek-Aspek Potensi Kutipan Dana Tunai

Berdasarkan laporan kutipan dana WPAR yang dibincangkan sebelum ini, penyelidik mendapati peningkatan prestasi kutipan dana tunai dipengaruhi lima aspek potensi yang dikenalpasti sebagaimana diringkaskan menerusi Rajah 1.

Rajah 1 Potensi Pendanaan WPAR



i. Potensi Sumber

Potensi sumber terbahagi kepada tiga iaitu sumber aset hartanah, sumber aset tunai dan sumber projek wakaf.

a. Sumber Hartanah

Malaysia antara negara yang memiliki rizab tanah wakaf yang banyak, dipecahkan mengikut sempadan negeri-negeri di bawah pemerintahan Sultan bagi negeri masing-masing. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah memusatkan data hartanah wakaf negeri-negeri mengikut kategori lot wakaf am dan tanah wakaf khas. Data statistik keluasan tanah wakaf di Malaysia dilaporkan adalah sebanyak 30,888.89 hektar yang mewakili 14,356 lot. Jumlah tanah wakaf am adalah sebanyak 2776 lot. Manakala tanah wakaf khas pula adalah 7 626 lot. Negeri Perak antara negeri yang mempunyai sumber aset hartanah yang tinggi iaitu sebanyak 20,225.75 hektar yang meliputi 5,233 lot wakaf sebagaimana dilaporkan pada Jadual 2 berkaitan statistik tanah wakaf mengikut negeri-negeri (JAWHAR, 2021).

Jadual 2. Statistik Tanah-tanah Wakaf Mengikut Negeri-Negeri di Malaysia 2013

Negeri	Am		Khas		Keseluruhan	
	Bil	Luas (Hektar)	Bil	Luas (Hektar)	Bil	Luas (Hektar)
Sarawak	0	0	0	0	78	143.68
Johor	0	0	0	0	3798	5149.10
Kedah	130	96.04	938	724.27	1068	820.31
Perak	318	0	4915	0	5233	20225.75
Perlis	0	0	0	0	93	83.22
Selangor	537	295.15	173	57.52	114	352.67
Sabah	4	0	110	2130.04	114	2130.04
Negeri Sembilan	12	6.68	17	10.50	29	17.18
Wilayah Persekutuan	144	1.57	0	22.70	144	24.27

bersambung

Melaka	145	77.68	609	279.36	754	357.04
Terengganu	170	27.78	443	456.32	613	484.10
Kelantan	89	19.72	421	265.20	510	284.92
Pahang	144	74.60	0	0	144	74.60
Pulau Pinang	1083	704.29	69	37.72	1152	742.01

Sumber: Pelan Kajian Induk Tranformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia 2013, Yayasan Waqaf Malaysia, JAWHAR

Berdasarkan Jadual 2, data tanah wakaf mengikut negeri- negeri di Malaysia adalah mewakili lot am dan khas serta keluasan masing-masing. Data lot tanah wakaf ini berpotensi sebagai sumber aset yang boleh menghasilkan tunai melalui pembangunan dan pengembangan projek-projek wakaf yang produktif. Bahkan tanah yang diwakafkan secara am dapat digunakan untuk tujuan yang lebih umum berbanding wakaf khas untuk tujuan khusus. Perak merupakan negeri yang memiliki aset hartanah yang tinggi iaitu sebanyak 65.48% daripada keseluruhan tanah wakaf di Malaysia berbanding di negeri-negeri lain yang mempunyai tanah wakaf dengan keluasan yang lebih kecil. Data ini telah dikemaskini oleh YWM dalam Pelan Kajian Induk Tranformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia 2013 (YWM). Sehingga tahun 2022, data tanah wakaf di Perak menunjukkan peningkatan kepada 5500 lot. Daripada jumlah lot wakaf tersebut, 5043 lot adalah wakaf khas dan 457 adalah lot wakaf am (Suhaimi bin Yusof, 2021).

Oleh itu, strategi MAIPk melancarkan dana wakaf untuk projek-projek khas melalui WPAR bagi tujuan mengumpulkan dana tunai boleh digunakan membangunkan lot-lot tanah wakaf terpilih. Sekalipun MAIPk mempunyai tanah wakaf yang banyak sejumlah 5500 lot, namun hanya sebilangan kecil lot wakaf khas sahaja yang boleh dibangunkan untuk tujuan ladang atau komersial bergantung kepada produktiviti yang boleh dijana daripada tanah wakaf berkenaan. Pengurus Pembangunan Mal dan Wakaf memaklumkan bahawa beberapa lot tanah wakaf am yang produktif sahaja dapat dibangunkan samaada dibina projek bangunan wakaf untuk tujuan komersial atau disewa untuk tujuan pertanian. Selebihnya mempunyai kekangan dan cabaran dalam dari sudut kewangan, perundangan, faktor lokasi dan geografi tanah.

b. Sumber Tunai

MAIPk memperoleh tiga sumber tunai yang utama iaitu 10% daripada kutipan dana tunai WPAR dan 10% daripada hasil saraan wakaf serta hasil keuntungan daripada pelaburan tunai. Selain memperuntukkan sejumlah dana wakaf tunai yang dikutip untuk kos pembiayaan projek-projek khas, Jawatankuasa Fatwa Perak telah memfatwakan sebagai harus penggunaan 10% daripada kutipan tunai untuk perbelanjaan pengurusan MAIPk. Manakala hasil saraan yang diperolehi daripada manfaat wakaf juga menyumbang sebanyak 10% kepada perbelanjaan pengurusan. Hasil saraan ini adalah hasil bayaran sewa tanah, bangunan kedai, keuntungan projek dan lain-lain yang diperolehi daripada aset-aset wakaf. Sementara sumber tunai lain adalah dividen yang dibayar oleh institusi kewangan terlibat atas pelaburan tunai yang disertai. Oleh itu, keuntungan daripada pelaburan, 10% perolehan daripada sumber tunai terkumpul dan 10% daripada dana saraan wakaf menjadikan jumlah dana tunai terkumpul dalam lingkungan RM500,000 setahun (Munawir bin Mohamed, 2022).

Sehubungan itu, sumber aset tunai daripada dana wakaf, dana saraan dan pulangan pelaburan merupakan sumber tunai utama kerana sifat kecairan tunai yang dapat menjana pulangan tunai baharu. Namun, kecekapan mengurus semua hasil daripada dana tunai dan saraan wakaf perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan pulangan berganda seperti mewujudkan aktiviti

wakaf tunai baharu yang lebih produktif. Oleh itu, potensi perolehan sumber tunai tersebut boleh dioptimumkan sebaiknya supaya dapat menjana pendapatan berterusan kepada MAIPk.

c. Sumber Projek Wakaf

Wakaf Perak Ar-Ridzuan (2015) telah melancarkan projek-projek wakaf seperti wakaf bangunan asrama, bot wakaf, pusat perniagaan, pusat hemodialisis, wakaf ilmu, tahfiz dan sebagainya. Projek ini menjadi fokus MAIPk kerana ia merupakan momentum kesejahteraan sosial umat. Oleh yang demikian, projek-projek wakaf yang diperkenalkan mampu mewujudkan pendanaan bagi wakaf-wakaf baharu.

Namun begitu, selain daripada sumber-sumber projek yang telah pun berjaya dan sebahagiannya sedang dilaksanakan oleh WPAR, MAIPk perlu meninjau projek-projek lain yang berpotensi. Projek-projek wakaf yang menepati keperluan masyarakat setempat dapat menjana hasil pendapatan lantas menyediakan peluang pekerjaan di sesebuah daerah di negeri tersebut (Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed, 2011). Lantaran itu, bukan sahaja ia dapat disesuaikan dengan kehendak penduduk tempatan bahkan sesuai dengan arus kemajuan ekonomi dan digital.

ii. Potensi Pelaksana Kutipan

Pelaksana kutipan memainkan fungsi utama dalam menjayakan ‘*crowdfunding*’ dana yang ingin dicapai. Kecekapan tenaga kerja dan jalinan kerjasama yang berkesan merupakan potensi utama dalam meningkatkan kutipan dana wakaf. Lantaran laporan kutipan dana WPAR bagi tempoh enam tahun ini jauh daripada sasaran kutipan yang ingin dicapai. Maka pada Mei 2022, MAIPk telah melantik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPK) yang dikenali sebagai Perbadanan Sendirian Berhad (PSB) sebagai syarikat yang diberikan tugas mengumpulkan dana tunai daripada individu, jabatan atau badan korporat. PSB selaku syarikat yang bertanggungjawab sebagai badan yang berfungsi mengutip wakaf tunai bagi tujuan komersial berbanding MAIPk sebagai badan yang bertanggungjawab membangunkan ekonomi umat Islam tanpa *profit*.

Oleh yang demikian, pelaksana kutipan dana tunai yang terdiri daripada sumber tenaga kerja profesional, cekap dan mencukupi adalah faktor pendorong potensi kutipan dana tunai. Temu bual penyelidik ke lapangan mendapati bahawa bilangan sumber manusia yang dilantik di Bahagian Pemasaran WPAR adalah terhad iaitu seramai tiga orang pegawai dan enam orang kakitangan. Bahagian Pemasaran yang terletak di ibu pejabat MAIPk, bertindak sebagai unit perancang strategik bagi menguruskan WPAR di seluruh negeri Perak.

Kekurangan tenaga kerja ini telah membataskan gerakerja, apatah lagi Bahagian Pemasaran turut memikul beban tugas terhadap kutipan zakat penduduk Islam yang mewakili 1,444,033 atau 57.9% orang penduduk di negeri Perak (JPM, 2022). Malah, status penjawatan yang ditawarkan oleh MAIPk secara kontrak telah menyebabkan sebilangan kakitangan beralih mencari peluang pekerjaan di tempat lain. Keadaan ini berlanjutan sejak tahun pelancaran WPAR sehingga kini dan ini menyebabkan kakitangan unit WPAR sentiasa bertukar-tukar dan seterusnya mengakibatkan potensi sumber pelaksana agak terbatas. Hal ini diperakui oleh pegawai MAIPk sendiri bahawa daripada jumlah 300 kakitangan MAIPk semenjak 2016 hingga kini, lebih 100 orang pekerja meletak jawatan. Situasi ini merugikan MAIPk kerana terpaksa menanggung kos latihan jika melantik pegawai-pegawai baharu. Bahkan hal ini telah mempengaruhi keberhasilan dan mutu *output* WPAR. Sekalipun, strategi melantik PSB sebagai

agen kutipan WPAR, namun MAIPk tidak seharusnya bergantung penuh dengan PSB yang juga berhadapan dengan cabaran dalam membangkitkan kesedaran berwakaf dalam kalangan Masyarakat Islam.

Oleh itu, MAIPk perlu mengambil inisiatif jangka panjang dalam penyediaan sumber tenaga yang kompetitif dan stabil. Selain itu, Pusat Tanggungjawab (PTj) setiap daerah bertindak sebagai tenaga sokongan dalam menjayakan kolaborasi kutipan tunai bersama agensi-agensi di bawah MAIPk, syarikat- syarikat korporat, badan-badan NGO, *mutawalli* ataupun individu.

iii. Potensi Medium Promosi

Pelbagai alat komunikasi atau perhubungan digunakan sebagai usaha menggiatkan sebaran maklumat kepada orang awam berkaitan WPAR. Promosi atau hebahan ini bertujuan menimbulkan kefahaman dan kesedaran tentang konsep, kelebihan dan saluran berwakaf. Sepanjang enam tahun pelancaran WPAR, kerja-kerja promosi dijalankan oleh Bahagian Pemasaran secara dalaman oleh Unit Dakwah dan Unit Operasi.

Justeru, MAIPk mengambil langkah melantik PSB sebagai syarikat yang bertanggungjawab menjalankan tugas mengutip dana wakaf tunai dan membangunkan sebahagian hartanah wakaf dengan projek-projek yang berpotensi. Termasuk dalam kerja-kerja mempromosi dana WPAR dan wakaf tunai, PSB telah memperkenalkan WaQaF 365. Dalam aspek pemasaran wakaf tunai, antara strategi yang digunakan MAIPk ialah kempen projek wakaf. Bahkan program atau aktiviti-aktiviti yang disusun di peringkat ibu pejabat dan Pusat Tanggungjawab menjurus kepada kelebihan dan manfaat harta wakaf. Berikut dinyatakan gerak kerja promosi yang dijalankan di ibu pejabat dan di 18 buah PTJ sepanjang 2022. Penyelidik mengkategorikan pencapaian aktiviti mengikut kekerapan berbanding sasaran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Rekod Pencapaian dan Sasaran Aktiviti Promosi Mengikut PTJ, MAIPk

Bil	Aktiviti	Ibu Pejabat		Ptj (18)		Jumlah		Pencapaian
		Kekerapan	Target	Kekerapan	Target	Kekerapan	Target	
1.	Taklimat Zakat & Wakaf	48	30	85	180	133	210	Tidak Mencapai
2.	Kaunter Bergerak & Sementara	71	40	62	36	133	76	Mencapai
3.	Kunjungan Hormat Syarikat Korporat	12	20	44	180	56	200	Tidak Mencapai
4.	Mengadakan Jejak Niaga	8	30	7	36	15	66	Tidak Mencapai
5.	Menambah Bilangan Pembayar E-PWB	138	54	62	720	230	774	Tidak Mencapai

Sumber: Laporan Unit Pemasaran MAIPk tahun 2022

Jadual 3 menunjukkan empat daripada lima aktiviti atau gerak kerja telah dijalankan bagi tahun 2022 seperti taklimat zakat dan wakaf, kunjungan hormat syarikat korporat, jejak niaga dan kempen wakaf melalui potongan gaji adalah tidak mencapai sasaran. Walaupun perancangan-perancangan telah disusun saban tahun sebagai strategi pemasaran WPAR, namun terdapat kekangan dan cabaran dalam melaksanakannya.

Meskipun pada tahun 2022 MAIPk telah melantik anak syarikat yang menjalankan tugas-tugas mempromosi WPAR, namun momentum promosi masih belum cukup dengan bilangan kakitangan yang terhad di unit pemasaran MAIPk. Daripada temubual lanjut dengan pengurus unit pemasaran memaklumkan bahawa, kakitangan yang terlibat dalam mempromosi WPAR sama ada kerja-kerja mempromosi di bahagian pengiklanan, hebahan secara dalam talian, sesi ceramah atau taklimat ke lapangan terdiri daripada seorang pengurus dan 2 orang kakitangan yang ditugaskan ibu pejabat MAIPk. Manakala, 6 orang lagi kakitangan sokongan membantu kerja-kerja teknikal secara tidak langsung. Sedangkan dalam masa yang sama, kakitangan ini turut memikul beban tugas pemasaran dan kutipan zakat yang mensasarkan Kumpulan masyarakat yang lebih ramai. Malah, tiada kakitangan khusus yang dilantik menjalankan tugas mempromosi WPAR di pejabat baitulmal daerah-daerah iaitu sebanyak 18 daerah yang memungkinkan potensi pemasaran lebih meluas dan bertumpu.


Antara langkah lain dalam mempromosikan dana tunai ialah dengan melaporkan perkembangan projek dan kutipan dana WPAR kepada umum. Pelaporan kewangan dan prestasi pencapaian institusi wakaf menjadi '*benchmark*' dalam membina kerjasama strategik dan jaringan sosial. PWS mempunyai sistem pengurusan maklumat yang baik berbanding negeri-negeri lain. Ini memberi satu persepsi positif terhadap institusi terbabit dalam membina hubungan dan kepercayaan menguruskan projek wakaf. Begitu juga dalam aspek pelaporan wakaf, kebanyakan MAIN telah melaporkan aktiviti berkaitan wakaf di dalam laporan tahunan mereka. Walau bagaimanapun, beberapa MAIN seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) yang mendedahkan laporan tahunan tersebut di laman sesawang rasmi sedangkan sebahagian yang lain tidak melaporkan kepada awam (Siti Razifah Khamis & Marhanum Che Mohd Salleh, 2018). Laporan ini perlu dikemaskini secara konsisten bagi memastikan data dan maklumat yang dipaparkan adalah terkini.

iv. Potensi Saluran Berwakaf

Saluran berwakaf merupakan perantara atau alat yang disediakan melalui kaunter dan tabung bagi sumbangan tunai atau secara pindahan tunai *online* melalui portal dan sistem aplikasi yang diwujudkan khas. MAIPk menyediakan saluran berwakaf ini bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk berwakaf tunai dengan cara mudah. Platform pembayaran melalui *digital online* dapat menarik minat lebih ramai orang untuk berwakaf tunai khususnya golongan muda kerana ia mudah dilakukan tanpa perlu berurusan ke pejabat atau kaunter. Oleh itu, beberapa aplikasi pembayaran online diwujudkan, bagi memberi pelbagai pilihan kepada pewakaf seperti FPX, GoPayz, maybank2u.com, kad debit serta *InfaqPay*.

Daripada data prestasi kutipan yang diperolehi, didapati jumlah pewakaf secara '*online*' meningkat setiap tahun. Di samping itu, pembayaran wakaf secara tunai atau *checkbook* boleh juga dilakukan di mana-mana kaunter pentadbiran MAIPk yang terdapat di ibu pejabat Ipoh dan 18 cawangan mengikut daerah. Dalam masa yang sama, bayaran wakaf boleh disampaikan melalui amil-amil zakat fitrah MAIPk yang membuat kutipan ke lapangan iaitu di tempat-tempat yang menjadi tumpuan awam.

Carta 2. Kutipan Dana Wakaf Tunai Mengikut Medium Bayaran



Sumber: Laporan Unit Pemasaran MAIPk tahun 2022


Berdasarkan Carta 2, peningkatan pencapaian tunai dipengaruhi oleh medium bayaran yang disediakan. Pembayaran secara *online* menunjukkan jumlah yang lebih tinggi berbanding pembayaran di kaunter. Manakala, pembayaran wakaf melalui potongan gaji turut menjadi saluran pilihan walaupun penyertaan belum begitu meluas. Bagi sesetengah masyarakat yang cenderung berwakaf tunai melalui kaunter atau tabung, penyediaan tabung secara fizikal dan perkhidmatan kaunter yang melibatkan tenaga manusia adalah terhad dan berhadapan dengan kekangan tertentu. Ini kerana pejabat-pejabat kaunter adalah terhad dan hanya beroperasi dalam waktu pejabat. Justeru, institusi wakaf perlu memperkenalkan aplikasi-aplikasi bayaran *online* yang mudah diakses dan mesra pelanggan.

Oleh yang demikian, potensi saluran berwakaf dapat dipertingkatkan dengan mewujudkan lebih banyak akses saluran berwakaf di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang awam melalui tabung-tabung atau ejen-ejen yang dilantik khas oleh MAIPk. Manakala, saluran berwakaf secara *online* perlu diiklankan ke *platform* media sosial secara menyeluruh supaya sampai kepada masyarakat negeri Perak khususnya dan Malaysia amnya.

v. Potensi Pewakaf

Pewakaf merujuk kepada individu yang menyumbangkan sebahagian hartanya sama ada dalam bentuk aset atau wang ringgit untuk tujuan-tujuan kebajikan am. Di negeri Perak terdapat sejumlah penduduk Muslim yang berpotensi menjadi sebilangan daripada anggota masyarakat yang berwakaf kepada MAIPk. Sehubungan itu, peluang meningkatkan jumlah pembayar wakaf sangat tinggi termasuk rakyat yang berasal dari negeri Perak yang berhijrah ke luar Perak atas tuntutan tugas dan lain-lain. MAIPk telah mengatur strategi bagi meningkatkan bilangan pembayar wakaf dengan mengkategorikan pewakaf mengikut medium pembayaran iaitu secara *online*, kaunter atau potongan gaji, sebagaimana ditunjukkan seperti Carta 3.

Carta 3. Analisis Bilangan Pembayar Wakaf Mengikut Medium Pembayaran



Sumber: Laporan Unit Pemasaran MAIPk tahun 2022

Berdasarkan Carta 3, prestasi bilangan pembayar wakaf pada tahun 2022 adalah tidak mencapai sasaran yang dikehendaki iaitu seramai 29,100 orang. Jumlah terkumpul bilangan pewakaf yang direkodkan daripada saluran *online*, kaunter dan potongan wakaf berjadual hanyalah sebanyak 15,034 orang pada tahun 2021 dan 17,343 orang pada tahun 2022. Bilangan ini menunjukkan peratus pembayar wakaf yang dicapai adalah sebanyak 59.5% sahaja. Ini bermakna 40.5% bilangan pewakaf yang disasarkan pada tahun 2022 belum dicapai.

Bilangan pewakaf mempunyai potensi untuk dipertingkatkan lagi dengan meluaskan kempen kepada pembayar wakaf baharu bahkan galakan dilakukan supaya penambahan nilai dibuat melalui potongan wakaf berjadual. Selain itu, jumlah pembayaran wakaf tunai secara *one-off* di kaunter atau *online* dapat dipertingkatkan. Dalam masa yang sama, Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) melaporkan bahawa jumlah penduduk di negeri Perak dari tempoh tiga tahun terkini 2017-2019 adalah seramai 2,093,500 orang bagi lingkungan usia 25 hingga 69 tahun boleh menjadi prospek bagi wakaf tunai dengan mengambil kira usia bekerjaya. Daripada jumlah ini Perak mempunyai prospek pewakaf yang besar dalam kalangan penduduk Muslim.

Jadual 4. Prospek Pembayar Wakaf (Bumiputera) Mengikut Umur

Kumpulan Umur	Tahun		
	2017	2018	2019
25-29	123.1	128.5	133.9
30-34	98.8	102.8	107.1
35-39	78.7	81.7	85.0
40-44	70.6	70.9	71.6
45-49	70.9	70.0	69.3
50-54	73.0	71.9	70.7
55-59	68.1	68.9	69.4
60-64	56.1	57.6	59.2
65-69	43.7	45.3	46.7
Jumlah	683	697.6	712.9

Sumber: Portal Jabatan Perangkaan Malaysia, Data Asas Negeri Perak 2017-2019

Jadual 4 menunjukkan bilangan penduduk bumiputera Muslim bagi tahun 2017 adalah seramai 683 ribu orang, 2018 seramai 697 ribu orang dan 2019 seramai 712 ribu orang. Jumlah ini mewakili kumpulan penduduk berumur 25 hingga 69 tahun yang berpotensi untuk berwakaf tunai dengan mengambil kira bahawa mereka telah mempunyai sumber pendapatan sendiri. Sekiranya setiap penduduk berwakaf serendah RM1 sebulan dalam tempoh tiga tahun, bermakna kutipan dana terkumpul mencecah RM75,366,000 (2,903,500 penduduk x 36 bulan).

Begitu juga sekiranya pembayaran wakaf tunai bertambah dari masa ke semasa, maka dana terkumpul WPAR akan terus meningkat yang membolehkan lebih banyak projek-projek pembangunan dan program-program wakaf dijalankan. Terdapat banyak peluang bagi menarik minat prospek pewakaf sekaligus peningkatan dana wakaf dengan mengambil inisiatif yang baharu dan pelbagai, melalui gabungan potensi sumber aset, strategi promosi, medium saluran berwakaf dan kecekapan pelaksana.

Aset hartanah, dana tunai dan projek wakaf merupakan instrumen yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi yang besar untuk memberi pulangan hasil serta manfaat. Sumber-sumber ini berpotensi menjadi produktif, lantas manfaatnya dapat dinikmati secara efektif. Negeri Perak antara negeri yang mempunyai aset hartanah yang banyak seharusnya memaksimumkan aset hartanah tersebut bagi menjana sumber hasil tunai dan pulangan baharu. Namun, berdasarkan sumber aset hartanah yang telah dibangunkan seperti yang dinyatakan sebelum ini, masih terdapat 434 lot tanah wakaf am dan 5042 lot tanah wakaf khas yang berpotensi untuk dibangunkan namun masih terbiar bertahun-tahun.

Manakala dari aspek projek wakaf, MAIPk boleh menumpukan kepada projek-projek baharu yang berpotensi dengan tidak hanya terikat dengan projek sedia ada yang telah menjangkau tahun ke-7. Bahkan banyak projek yang boleh dicontohi seperti Amanah pelaburan hartanah Islam (Syahnaz, Aznan & Ahmad Azam, 2014), wakaf korporat (Asharaf & Abdullah, 2014), penyediaan infrastruktur awam (Razali & Rohayu, 2011), projek pertanian (Siti Mashitoh et al., 2009), perumahan dan perniagaan (Asmak, 2009) serta lain-lain.

Ekoran daripada projek-projek wakaf tunai semasa yang diperkenalkan oleh badan-badan tertentu, maka alangkah baik sekiranya MAIPk dapat menambah baik dan mempelbagaikan projek-projek wakaf sedia ada. Hal ini bertepatan dengan potensi projek wakaf yang subur dan berkembang selari arus kemodenan zaman. Projek-projek wakaf tunai baharu yang sinonim dengan kehendak masyarakat menjadi tarikan kepada orang ramai supaya konsisten dalam menyemarakkan amalan berwakaf dengan tidak mengenyepikan projek-projek wakaf sedia ada. Bahkan projek-projek wakaf ini, tidak terhad dan sempit kepada bilangan tertentu atau bidang tertentu, kerana projek-projek wakaf adalah bersifat dinamik dan progresif.

Oleh itu, sumber tanah dan tunai perlu digembleng bagi memperkasa kelestarian wakaf agar mampan dan berdaya maju. Bahkan usaha mengangkat potensi sumber aset dan projek-projek wakaf ini perlu diketengahkan supaya belunggu kebekuan aset sehingga merugikan pertumbuhan ekonomi umat Islam khususnya di negeri Perak dapat diatasi. Di samping itu, perancangan dan gerak kerja yang tersusun perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memastikan potensi sumber dan projek-projek wakaf dapat dibangunkan selari dengan perkembangan ekonomi global.

Kesimpulan

Hasil kajian mendedahkan bahawa, terdapat jurang antara jumlah sasaran dengan pencapaian dana wakaf yang diperolehi. Perbezaan ini berpunca oleh beberapa faktor antaranya ialah kecekapan sumber manusia dan tenaga profesional, birokrasi dan autonomi dalam pengurusan wakaf serta peranan *mutawalli*. Manakala, lima potensi yang dikenalpasti bagi meningkatkan dana dan produktiviti wakaf iaitu potensi sumber, potensi pelaksana, potensi promosi, potensi medium kutipan dan potensi pewakaf. Berdasarkan statistik dana tunai yang terkumpul menunjukkan bahawa kutipan wakaf tunai yang diperolehi adalah jauh daripada jumlah yang disasarkan oleh MAIPk. Melalui analisis temu bual yang dibuat terhadap responden-responden yang terlibat dalam tugas mengumpulkan dana tunai terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kutipan.

Pertama, tahap pemahaman yang rendah dalam masyarakat awam terhadap tujuan wakaf dalam menjamin kesejahteraan dan kepentingan pemilikan harta oleh umat Islam. Malah, kebanyakan umat Islam memahami wakaf dalam bentuk tradisional iaitu terhadap kepada aset tertentu (benda tak alih) seperti tanah atau bangunan yang secara automatik mengehadkan peluang orang ramai untuk menderma wakaf. Pada pemikiran masyarakat umum, wakaf hanya terpakai kepada golongan yang mempunyai lebih harta dalam bentuk tanah atau bangunan.

Kedua, kurangnya info berkenaan medium kutipan serta agihan manfaat wakaf yang telah dilaksanakan. Jika dilihat kurangnya kecenderungan penglibatan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam banyak dipengaruhi oleh sebaran maklumat mengenai program-program wakaf yang tidak menyeluruh. Malah, masyarakat tidak terdedah dengan manfaat aset wakaf kepada diri dan masyarakat sehingga kemungkinan masih ada pihak yang ragu-ragu terhadap pengendalian aset dan dana serta manfaat yang boleh terhasil daripadanya.

Ketiga, penyediaan kepada *platform* dan komunikasi berwakaf yang terhad. Ruang interaksi antara pewakaf dan nazir perlu dipermudahkan dalam pelbagai bentuk dan boleh diakses oleh semua golongan. Pewujudan pengantara dan ruang komunikasi yang berkesan antara nazir, pewakaf dan *mauquf alaih* mendorong kesinabungan amalan wakaf, membuka ruang kepada penambahan prospek pewakaf sehingga kelestarian amalan wakaf terjamin.

Seiring dengan perkembangan zaman, instrumen wakaf tunai dilihat mampu memperkasakan aset wakaf sedia ada bahkan mewujudkan bentuk-bentuk wakaf yang baharu. Melalui instrumen tunai, sesiapa sahaja boleh berwakaf dengan nilai yang fleksibel dan dapat menghasilkan wakaf yang lebih produktif. Justeru, wakaf mestilah mampu dikembangkan sebagai wakaf yang produktif dengan mewujudkan entiti pengurusan wakaf berasingan iaitu dengan menubuhkan jabatan wakaf di peringkat negeri, meluaskan kerjasama strategik dan jaringan sosial melalui pelantikan *mutawalli* yang melibatkan syarikat, institusi, pertubuhan mahupun individu awam. Ia dapat menjadi satu bentuk perkongsian kekayaan, bagi mencapai keseimbangan ekonomi serta kesejahteraan sosial yang dapat dinikmati pelbagai golongan masyarakat

Rujukan

- Ali Gom'ah (2012). Wakaf dan Kesannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi. *Kertas Kerja Seminar Wakaf Menjana Ekonomi*, Putrajaya.
- Abdullaah Jalil & Asharaf Mohd. Ramli. (2014). Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisis Wakaf Selangor Muamalat. *Jurnal Pengurusan* 42: h. 159 -167
- Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan Khairuneezam, Mohd. Noor Siti Suriani Othman. (2022) Pengurusan Dana Wakaf Tunai Bagi Pembangunan Ekonomi Umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) *IJIEFER* 44, Universiti Sains Islam Malaysia, Vol. 5, No. 1, JUL 2022 e-ISSN: 2636 – 9419
- Asharaf Mohd. Ramli. (2019). Inovasi Model Wakaf Tunai di Malaysia Berlandaskan Kepada Garis Panduan Fatwa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Vol. 18, No.2.
- Bahari, Z. & SHM, H. (2016). Pembangunan wakaf produktif: Kes kajian di Pulau Pinang. *Koferensi Internasional Pembangunan Islam*, 3, 17.
- Che Khadijah Hamid (2010). Wakaf Tunai di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP): Satu tinjauan awal sorotan karya. *Kertas Kerja dibentangkan di The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW10)* anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), di Dewan Persidangan Utama USM, pada 21-22 September 2010.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, Quantitative, and Mixed-methods Approaches*. London: SAGE Publications.
- Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman (2012). Perkembangan Wakaf Tunai dan Potensi Sumbangannya dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat Islam. *Prosiding seminar Antarabangsa Penyelidikan Pengajian Islam* pada 15-16 Februari 2012, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin & Mohd Zul Izwan Aliyasak (2019) Tahap Kesedaran Masyarakat Islam di Perak Mengenai Wakaf Perak Ar-Ridzuan. *Sains Humanika* 11, (3): 63-69.
- <http://wakafperak.gov.my/porta/index.php/ms>.
- <https://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/hubungi-kami>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Dicapai pada 21 Okt 2022 di <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/produk-banci/penerbitan/banci-2020/penemuan-utama-banci-2020>.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Dicapai pada 22 Disember 2021 di <https://www.jawhar.gov.my/en/waqf/waqf-land/>.
- Klinik Waqaf An-Nur Sarawak. Dicapai pada 21 Okt 2022 di <http://www.tabung-baitulmalsarawak.org.my/programbela02.html>.
- Laporan Waqaf Perak Ar-Ridzuan & Pengurusan Wakaf Saraan MAIPk 2016-2021
- Muhammad Hisyam Mohamad (2009). Wakaf Tunai dan Potensinya kepada Pembangunan Sosio- Ekonomi Ummah di Malaysia. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)* - Vol.6. No.1
- Munawir bin Mohamed Noh. Pengurus Unit Pengurusan Wakaf, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, MAIPk. Temubual di Kompleks Ar Ridzuan MAIPk pada 9 September 2022.
- Mohamad Salleh Abdullah. (2009). Malaysia perlu transformasi pengurusan wakaf. *Utusan Malaysia*, 25 Disember 2009
- Pelan Kajian Induk Tranformasi Pembangunan Harta Tanah Wakaf di Malaysia 2013, Yayasan Waqaf Malaysia.

- Projek Wakaf di Malaysia, diakses dari https://www.jawhar.gov.my/wakaf/projek-wakaf/https://wazan.upm.edu.my/artikel/wakaf_tunai_pendekatan_terbaik_untuk_me-wakafkan_harta_masa_kini-67476.
- Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed (2011). Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. *Prosiding PERKIM*. Jilid 1. h. 138 – 147 ISSN: 2231-962X, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Siti Mashitoh, M, Asmak, A.R., Azizi, C.S., Suhaili, S. & Nor Aini, A. (2009). Konsep Dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari Di Malaysia: Saham Wakaf Dan Wakaf Saham. *In Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009* di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 10 -11 Februari 2009.
- Siti Razifah Khamis & Marhanum Che Mohd Salleh. (2018). Study on the efficiency of cash waqf management in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*. Volume 4. (1). h. 61-84.
- Suhaimi Yusoff. Pengurus Besar, Unit Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, MAIPk. Temubual di Kompleks Ar Ridzuan MAIPk pada 24 Februari 2022.
- Syafiq Hariz (2021). Bantuan Peranti Dan Pelan Data Pelajar Memudahkan Pelajar Menjalani Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Dicapai di alumni.upm.edu.my. Artikel diterbitkan pada 30 Ogos 2021.
- Syahnaz, S., Aznan, H. & Ahmad Azam, S. (2014). Potensi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Amanah Pelaburan Hartanah Islam (Islamic Real Estate Investment/ I-REIT) di Malaysia. *Jurnal Muamalat*. h.7
- Razali, O. & Rohayu, A. G. (2011). Sektor Ijtimai: Ke Arah Pemantapan Sosio-Ekonomi Ummah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* Bil. 5(1). h. 99–130.
- Razali Othman (2013). *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Othman. (2015). *Wakaf Tunai Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saham Wakaf Selangor, diakses pada di <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/saham-wakafselangor>.
- Wakaf Tunai Malaysia, diakses di <http://ywm.org.my/wakaf/wakaf-tunai-malaysia/>.
- Waqaf An-Nur Hospital & Clinic, diakses dari <http://www.jcorp.com.my/waqaf-an-nur-hospital-clinic-35.aspx>
- Wakaf Tunai: Pendekatan Terbaik Untuk Mewakafkan Harta Masa Kini, diakses dari <https://www.ywm.gov.my/aktiviti/679>
- Wakaf Air Agih Lebih RM800,000 Jayakan Projek di 21 Lokasi, *Berita Harian*, 28 Februari 2022.
- Wakaf Kesihatan Penuhi Permintaan Tinggi Covid-19', *Utusan Malaysia*, 6 Ogos 2021.
- Zainur Nadiyah & Sumaiyah Bahri (2023). Institusi Perbankan Islam dalam Membangun Dana Wakaf di Malaysia, *Journal Of Contemporary Islamic Studies Vol. 9 Iss. 1* 2023.